

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 September 2015

Tidak boleh dianggap serangan perkauman - Pak Lah

um - 18/9/2015

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Himpunan Rakyat Bersatu tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk serangan perkauman sebaliknya hanya tindak balas kepada penganjuran perhimpunan haram Bersih 4.0.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, 'himpunan baju merah' semalam bukan diadakan disebabkan maruah orang Melayu telah dicabar oleh kaum lain tetapi hanya satu bentuk kebangkitan rakyat yang tidak menyokong 'himpunan baju kuning' yang diadakan pada 29 dan 30 Ogos lalu.

"Saya tidak fikir (maruah Melayu telah dicabar). Mungkin ada yang rasa begitu tetapi tidak ada mereka yang membawa kepada pergaduhan.

"Ia (Himpunan Rakyat Bersatu) hanya bermula (berpunca) daripada 'himpunan baju kuning' dan daripada situ rakyat bangkit," katanya

kepada pemberita dalam majlis mengenang jasa bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Nik Mustapha Nik Hassan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Abdullah turut mengingatkan orang ramai yang menyertai sebarang perhimpunan agar tidak membuat tindakan atau provokasi yang boleh menimbulk



ABDULLAH AHMAD BADAWI menyampaikan cenderamata kepada nik Mustapha Nik Hassan dalam Majlis Jasamu Dikenang di IKIM, Kuala Lumpur, semalam.

kan pergaduhan.

"Jika nak tunjuk mereka adalah orang (penyokong) yang di sebelah 'merah' atau 'kuning' tidak menga-

pa asalkan mereka tidak bergaduh.

"Ini kerana jika ada mereka yang bergaduh hanya akan membawa kepada banyak perkara yang

tidak baik. Nak berhimpun kena jaga (kelakuan) kerana pergaduhan tidak membawa sebarang kebaikan," jelasnya.